ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"SESIAPA yang menghendaki kemuliaan maka hendaklah dia memohon kepada Allah kerana kemuliaan itu semuanya milik Allah. Kepada Allah jualah naik (diterima) segala perkataan yang baik dan amalan soleh pula diangkat-Nya naik (diterima). Dan orang-orang yang merancang kejahatan akan ditimpa azab yang berat dan rancangan jahat mereka itu akan binasa".**
**- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Faatir, ayat 10.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.36 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 71 BILANGAN 18 | 11 FEBRUARI 2026 / 1447 شعبان 23 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Masoud Pezeshkian dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Iran bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Masoud Pezeshkian.**

## Kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM mengukuhkan jalinan ukhuwah

**Oleh : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Februari. - Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjadi amalan di negara ini setiap kali menjelangnya bulan Ramadan.

Pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) akan giat mengatur langkah pada menanai tanggungjawab untuk mengagihkan buah-buah kurma kurnia peribadi baginda sesempurnanya kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB bersabda demikian pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara, pagi tadi.

>> Muka 2

## Kibar bendera sempena Hari Kebangsaan mulai 14 Februari

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-42, Tahun 2026 dan bagi memeriahkan lagi sambutan berkenaan, sukacita rakyat dan penduduk negara ini supaya sama-sama mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai hari Sabtu, 14 Februari 2026 sehingga hari Rabu, 25 Februari 2026.

>> Muka 4

## Kerjasama awam, swasta sokong pelaburan, perdagangan, pembangunan mampan

**Siaran Akhbar : Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN, APEC Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Februari. - Penggubal dasar kanan dan pemimpin perniagaan telah berhimpun hari ini di Baiduri Community Space bagi Meja Bulat Ekonomi Brunei (Brunei Economy Roundtable - BER) 2026, iaitu satu perbincangan tertutup mengenai prospek ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Brunei, Meja Bulat ini menyediakan platform yang dipercayai untuk dialog yang terbuka, jujur dan strategik mengenai hala tuju ekonomi NBD, keutamaan serta cabaran yang bakal dihadapi pada tahun mendatang.

Sebagai acara pertama di bawah Program Ekonomi Brunei 2026, Meja Bulat ini memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh daya tahan ekonomi, mempercepatkan kepelbagaian ekonomi serta memposisikan NBD untuk merebut peluang pertumbuhan baharu dalam landskap serantau dan global yang sentiasa berubah.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

# Berita Utama












# KURMA KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM MENGUKUHKAN JALINAN UKHUWAH



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB berkenan menguriakan sabda.**

>> Muka 1

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**

Terdahulu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik bersabda, marilah kita merafakkan kesyukuran kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, Alhamdulillah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus dapat melaksanakan kurnia peribadi baginda pada tahun ini bagi membolehkan semua lapisan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam berpeluang menikmati buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai juadah berbuka puasa sebagaimana kelazimannya dalam persediaan menyambut bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Duli Yang Teramat Mulia dalam sabdanya juga menjelaskan bahawa amalan bersedekah ini juga akan terus menjadi asas dalam menghidupkan bulan Ramadan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 261 :

"Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; pada tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan Allah melipatgandakan ganjaran bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui".

Sabda DYTM, sesungguhnya setiap amalan sedekah yang dilakukan dengan penuh keikhlasan tidak akan disia-siakan, malah dijanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda sebagai rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang berbuat kebajikan dan kebaikan.

Sehubungan itu, sabda DYTM, kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM ini bukan sahaja akan membawa kelainan dalam kita menyambut bulan Ramadan di negara ini bahkan ia terbukti dapat menyemai nilai kasih sayang dan perpaduan, ke arah mengukuhkan jalinan ukhuwah serta kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Di kesempatan itu juga, DYTM turut merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada YSHHB, kementerian dan jabatan kerajaan, pegawai-pegawai daerah, penghulu-penghulu mukim dan ketua kampung, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan, para sukarelawan serta semua lapisan masyarakat yang terlibat yang telah bekerjasama dan mengendalikan amanah dan tanggungjawab yang berkebajikan ini dengan jayanya.

Di akhir sabda, DYTM menganjurkan untuk kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah DYMM akan sentiasa dikurniakan kesihatan dan afiat yang berpanjangan, dimurahkan rezeki untuk terus melaksanakan kurnia peribadi baginda ini demi meraih rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.



**ANTARA yang hadir pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| FEBRUARI MASIHI | HARI | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11 | RABU | 23 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |
| 12 | KHAMIS | 24 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 13 | JUMAAT | 25 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.36 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 14 | SABTU | 26 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 15 | AHAD | 27 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 16 | ISNIN | 28 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 17 | SELASA | 29 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.33 | 7.44 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 31 23 °C | 31 23 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 11 FEBRUARI 2026

### Persiapkan diri menjelang Ramadan

**PERSIAPAN** yang baik pada bulan suci Ramadan akan menjadikan bulan ini amat dirindui dan dinanti-nanti pada tahun akan datang. Persiapan dari aspek kerohanian, mental dan jasmani adalah penting. Kerana bulan Ramadan adalah masa untuk kita mengumpul sebanyak mana pahala yang sudah Allah Subhanahu Wata'ala sediakan. Hanya kita sebagai insan adakah sudah merangka persiapan atau belum.

Dari aspek kerohanian, kita digalakkan untuk memperbanyakkan menunaikan solat-solat sunat seperti Solat Sunat Tahajud, Solat Sunat Taubat, Solat Sunat Dhuha. Kerana solat-solat ini akan meningkatkan persiapan untuk menunaikan Solat Tarawih dan Witir semasa bulan Ramadan.

Manakala dari aspek mental pula, kita digalakkan untuk pada mengatur niat, melatih kesabaran dan membersihkan hati daripada dendam agar ibadah yang dilaksanakan bulan mulia ini sentiasa diberkati oleh Allah jua. Hal ini melibatkan kesiapan emosional untuk menahan diri daripada sifat amarah, meningkatkan keikhlasan, serta membiasakan diri beribadah sunnah dari bulan Syaaban. Ini membantu menjadikan bulan Ramadan tahun ini lebih bermakna bukan sekadar menahan lapar. Memperbanyakkan zikrullah supaya hati sentiasa bersih.

Bukan sahaja kerohanian dan mental perlu dipersiap, akan tetapi jasmani menjelang Ramadan sangat penting supaya badan sentiasa dalam sihat walafiat menjadikan amalan kita pada malam hari dapat ditunaikan dengan baik. Dalam menjaga jasmani sepanjang bulan Ramadan perlu kita mulakan pada bulan-bulan lain seperti menjaga permakanan sebaik mungkin, menjadikan sukan ringan sebagai penambah ketahanan diri, menyesuaikan waktu tidur lebih awal supaya dapat mengamalkan sunnah iaitu dengan bersahur dan juga meningkatkan hidrasi diri kerana cuaca tidak menentu akan mengubah tahap kesediaan badan.

Beberapa persiapan lain lagi yang menjadikan bulan Ramadan penuh makna tidak terbatas pada pelaksanaan amalan tetapi juga mencakup kesiapan ilmu pengetahuan. Setiap individu dianjurkan untuk mempelajari dasar-dasar ajaran Islam yang berkaitan dengan Ramadan seperti ketentuan puasa, Zakat Fitrah, Solat Tarawih serta amalan lainnya yang dilakukan selama bulan suci.

Pada bulan Ramadan akan ada banyak penglibatan dari aspek sosial dan ekonomi. Menyediakan sebahagian harta untuk disedekahkan dan dizakatkan sebelum Ramadan tiba merupakan langkah persiapan yang sangat baik. Dan pada bulan Ramadan ini banyak Gerai Ramadan akan dibuka, berhemahlah dalam berbelanja. Dengan membuat perancangan kewangan, seseorang akan lebih mudah berbagi rezeki dan membantu sesama insan tanpa merasa terbebani. Selain itu, persiapan sosial juga diwujudkan melalui pemedulian seperti membantu fakir miskin, mempererat hubungan sesama keluarga serta menciptakan suasana Ramadan yang dipenuhi rasa kebersamaan dan empati. Ini termasuk mengadakan Solat Tarawih dan Witir berjemaah di rumah-rumah persendirian.

Dengan adanya teknologi masa ini, kita jua perlu manfaatkan selagi boleh kerana dengan teknologi inilah menjadikan kita bersiap sedia dengan maklumat-maklumat dan juga nasihat-nasihat kesihatan untuk bulan Ramadan.

Sidang Pengarang pada kali ini ingin membawa para pembaca untuk sama-sama mempersiapkan diri menjelang Ramadan ini. Apa yang penting, jadikan Ramadan pada tahun ini lebih baik daripada tahun-tahun yang sudah. **- Ketua Penyuntingan (Fa)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# PENGAGIHAN KURMA KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin**







**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas, atas kanan dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pagi tadi berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Turut menjunjung, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II yang antara lain menyembahkan bahawa pada tahun ini, sejumlah 160.2 ton metrik buah kurma jenis 'Safawy' akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di seluruh negara.

Kurma yang keseluruhannya berjumlah sebanyak 534,000 kotak kecil itu, sembah Yang Berhormat, akan dibahagi-bahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk Islam, termasuklah pekerja-pekerja asing yang beragama Islam di negara ini tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan akan menerima kurnia buah kurma mereka di mana setiap seorang akan menerima satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram.

Yang Berhormat turut menyembahkan seperti pada tahun lepas, penghantaran kurma kali ini menggunakan jalur Pelabuhan Dammam, Arab Saudi menggunakan kapal laut dengan dua kali pelayaran yang membawa keseluruhan 11 unit kontena berhawa dingin (*chilled container*).

"Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat paduka ayahanda Duli Tuanku, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam buah-buah kurma ini telah selamat sampai di Negara Brunei Darussalam pada 19 Januari 2026 dan 4 Februari 2026," sembahnya.

Yang Berhormat dalam merafakkan kesyukuran turut menyembahkan bahawa pengurniaan kurma tahun ini memasuki tahun ke-31 sejak dari tahun 1995 YSHHB telah diamanahkan untuk menguruskan pengendaliannya, dan Alhamdulillah sehingga kini pengagihannya telah pun dilaksanakan dengan sempurna dan teratur.

Dengan sokongan padu dan keterlibatan berterusan pihak-pihak yang berkepentingan menunjukkan trend positif yang mencerminkan tanda kesepakatan dan kesepaduan di dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau projek.

"Mudah-mudahan penghayatan dan pelaksanaan kaedah ini, akan sentiasa berterusan dan menjadi sebahagian amalan soleh yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dan semoga ia akan menambahkan lagi keberkatan dan rahmat kepada Negara Brunei Darussalam yang tercinta," sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya juga menyembahkan sembah ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di atas limpah kurnia baginda yang sangat bermakna, istimewa dan sangat dihargai serta disyukuri seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang terus mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja, sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat sejahtera dan kekal qarar memerintah di atas singgahsana Kerajaan NBD dengan pimpinan bijaksana dan diredai di bawah petunjuk dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sejurus itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengurniakan sabda.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengagihan buah-buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada wakil-wakil pasukan beruniform, orang awam, penjawat awam (sektor kerajaan), pekerja swasta dan persatuan-persatuan saudara baharu.

Pasukan beruniform diwakili oleh pemerintah-pemerintah tentera serta komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan pengarah-pengarah jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Orang awam diwakili oleh pegawai-pegawai daerah serta sebahagian ketua-ketua kampung dari keempat-empat daerah.

Penjawat awam dan pekerja sektor swasta diwakili oleh pengarah-pengarah jabatan pengurusan, pentadbiran dan tenaga manusia.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili.

Dengan sempurnanya Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM pada hari ini, maka bermulalah pembahagian buah kurma kurnia peribadi baginda sempena Bulan Ramadan 1447H/2026M kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di NBD.

Pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM adalah seperti berikut, pemerintah-pemerintah dan Komandan-komandan ABDB serta pengarah-pengarah jabatan dan Pegawai-pegawai Pemerintah PPDB akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah jabatan dan unit masing-masing.

Pegawai-pegawai daerah akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada semua Penghulu-penghulu mukim (yang memangku jawatan ketua-ketua kampung) dan ketua-ketua kampung dan seterusnya akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi ini kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan mereka masing-masing.

Para penjawat awam, pengagihan adalah melalui kementerian dan jabatan masing-masing, dan para pekerja daripada sebahagian sektor swasta, pengagihan adalah melalui syarikat masing-masing dan sebahagiannya adalah melalui ketua-ketua kampung mengikut tempat tinggal masing-masing.

Pengurniaan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM ini mencerminkan sikap pemedulian dan kasih baginda.

Justeru adalah wajar bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini khususnya mereka yang beragama Islam untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas kurnia baginda ini.

YSHHB sangat-sangat mengharapkan sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak dalam melancarkan urusan pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi sepertimana yang diharapkan supaya buah kurma kurnia peribadi ini akan diterima dengan baik dan sempurna dan seterusnya dinikmati oleh setiap orang yang beragama Islam di negara ini sebagai juadah berbuka puasa semasa bulan Ramadan nanti.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Jemaah Tadbir serta Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Pemerintah ABDB, Pemangku Pesuruhjaya Polis, PPDB, pegawai-pegawai daerah dan pengarah-pengarah daripada kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pengendalian pengagihan buah-buah kurma kurnia peribadi baginda.





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berangkat ke majlis berkenaan (atas), manakala gambar kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili.**



**SEMBAH alu-aluan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.**

# YANG DI-PERTUA MMN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT





**YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD (kanan dan kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Februari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, hari ini menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Sun Nahmkook; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD, Tuan Yang Terutama Heuankeo Sangsomsak.

Majlis diadakan secara berasingan di Bangunan Dewan Majlis pagi tadi.

Semasa kunjungan hormat bersama Tuan Yang Terutama Sun Nahmkook telah merakamkan ucapan tahniah atas keanggotaan MMN dalam Inter-Parliamentary Union (IPU).

Kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai hubungan dua hala antara NBD dan Republik Korea, termasuk di peringkat parlimen.

Perbincangan juga termasuk kerjasama dalam bidang perdagangan, kebudayaan, pendidikan dan pelancongan. Kedua-dua pihak turut menyentuh isu-isu serantau dan global yang menjadi kepentingan bersama dengan penekanan terhadap peranan diplomasi dalam hubungan antara negara.

Sementara itu, semasa kunjungan hormat bersama Tuan Yang Terutama Heuankeo Sangsomsak, perbincangan menyentuh hubungan baik yang telah terjalin lama antara NBD dan Republik Demokratik Rakyat Lao, khususnya dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

Kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai hubungan di peringkat parlimen dan perluasan pertukaran kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD turut menyatakan hasrat bagi memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Hadir bersama semasa kunjungan-kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

# Tinjau kemajuan projek negara di bawah RKN Ke-12



**ROMBONGAN diketuai oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi JKK RKN.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Februari. - Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja (JKK) Rancangan Kemajuan Negara (RKN) telah mengadakan Lawatan Kerja ke Tapak-tapak Projek RKN Ke-12 (RKN12) di Daerah Brunei dan Muara, hari ini.

Rombongan diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi JKK RKN.

Turut hadir semasa lawatan kerja berkenaan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Timbalan-timbalan Menteri di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap dan Sekretariat JKK RKN.

Lawatan Kerja ini bertujuan untuk meninjau dengan lebih dekat perkembangan dan kemajuan projek negara di bawah RKN bagi memastikan ia berjalan dengan lancar dan sempurna.

Lawatan bermula di Tapak Pembinaan Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba dan seterusnya ke Tapak Projek Bangunan Skuadron Unmanned Aerial System (UAS) yang telah siap dan Projek Pengangkutan Udara C295MW di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei, Rimba.

Lawatan Kerja diakhiri dengan lawatan ke Bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran, Kota Batu. Projek yang dalam pelaksanaan Fasa 3 ini merupakan projek membaik pulih dan penaiktarafan infrastruktur dan pengisian Pameran Bangunan Muzium Brunei di mana apabila siap nanti akan menjadi salah satu tarikan bagi para pelancong ke negara ini.



**LAWATAN Kerja ini bertujuan untuk meninjau dengan lebih dekat perkembangan dan kemajuan projek negara di bawah RKN bagi memastikan ia berjalan dengan lancar dan sempurna.**

# Kibar bendera sempena Hari Kebangsaan mulai 14 Februari

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

>> Muka 1

Dalam hubungan ini, Pengiran-pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.

# KERJASAMA AWAM, SWASTA SOKONG PELABURAN, PERDAGANGAN, PEMBANGUNAN MAMPAN




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa sesi bergambar ramai pada Meja Bulat Ekonomi Brunei (Brunei Economy Roundtable - BER) 2026.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN, APEC Brunei**

>> Muka 1

Bidang perbincangan utama merangkumi daya saing pelaburan dan pelaburan langsung asing (FDI), peluasan perdagangan dan integrasi serantau, kemampanan serta penerapan praktikal penyelesaian digital bagi meningkatkan produktiviti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menetapkan hala tuju perbincangan melalui ucaptama pembukaannya dengan menggariskan dasar serta keutamaan ekonomi kerajaan bagi tahun 2026.

Yang Berhormat menekankan kepentingan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta dalam memajukan visi ekonomi NBD, memperkukuh daya saing, serta menyumbang kepada matlamat jangka panjang Wawasan Brunei 2035.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank, Ti Eng Hui berkata bahawa Bank Baiduri menyokong platform yang menggalakkan dialog yang praktikal dan konstruktif antara sektor awam dan swasta mengenai keutamaan ekonomi NBD.

"Program Ekonomi Brunei memainkan peranan penting dalam menghubungkan perspektif tempatan dengan perkembangan serantau dan global serta memastikan Brunei berada pada kedudukan yang tepat untuk menambah nilai dalam konteks ekonomi ASEAN dan APEC yang lebih luas," ujarnya lagi.

Beliau menegaskan bahawa penekanan kini harus diberikan kepada merealisasikan perbincangan ini melalui tindakan konkrit dan pencapaian yang boleh dilihat.

Menekankan kepentingan penglibatan sektor swasta dan kerjasama serantau, Pengerusi ASEAN BAC Brunei dan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Adinin, Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian NBD serta Ahli Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei, Awang Haji Musa bin Haji Adnin, menyoroti peluang untuk memperkukuh daya saing NBD melalui pelaburan dan perdagangan.

"Ketika ASEAN bergerak ke arah rantaian bekalan yang lebih hijau dan digital, NBD mesti memposisikan dirinya untuk merebut peluang pelaburan dan perdagangan baharu. Meja Bulat hari ini menyokong dialog yang terbuka dan jujur bagi memajukan kepelbagaian dan daya tahan ekonomi kita, selaras dengan keutamaan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN terhadap pertumbuhan inklusif," katanya.

Wakil industri, pakar bidang, dan pemimpin perniagaan daripada Brunei Shell Petroleum, Darussalam Assets Sdn. Bhd., Datastream Digital (DST) Sdn. Bhd., Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) serta organisasi lain turut mengambil bahagian dalam Meja Bulat tersebut.

Perbincangan yang menyusul memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi pandangan mengenai prospek ekonomi NBD bagi tahun 2026, risiko dan peluang utama yang dihadapi oleh perniagaan serta tindakan praktikal bagi mempercepatkan kepelbagaian ekonomi, meningkatkan produktiviti dan memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Para peserta juga meneroka kaedah untuk memperkukuh kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam menyokong pelaburan, peluasan perdagangan dan pembangunan mampan.

Kini memasuki tahun kelima, Program Ekonomi Brunei merupakan satu inisiatif yang diterajui oleh sektor swasta dan dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Brunei. Program ini menghubungkan ekonomi Brunei dengan landskap ASEAN dan APEC yang lebih luas, bagi memastikan komuniti perniagaan Brunei kekal terlibat dengan perkembangan ekonomi serantau dan global.

Melalui inisiatif seperti Meja Bulat Ekonomi Brunei, program ini bertujuan untuk menyokong usaha kepelbagaian ekonomi NBD serta menyumbang kepada pendekatan menyeluruh negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

# Jepun komited sokong kerjasama pelbagai bidang bersama NBD




**HADIR mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi meraikan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maharaja Jepun Ke-66 ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas dan kanan).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



**GADONG**, Isnin, 9 Februari. - Jepun kekal komited untuk menyokong kerjasama dalam pelbagai bidang dalam kedua-dua sektor baharu dan tradisional, termasuk industri hiliran, pertanian, perhutanan, perikanan, ICT dan perkhidmatan untuk pembangunan berterusan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pada ketika ini, sebanyak 21 buah syarikat Jepun beroperasi di NBD sebagai rakan kerjasama, menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan menghasilkan metanol daripada gas asli NBD dan mengaplikasikan bioteknologi kepada sektor makanan dan kesihatan hanyalah beberapa contoh usaha sedemikian.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka menyentuh perkara itu dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Resepsi meraikan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maharaja Jepun Ke-66 berlangsung di Rizqun International Hotel, Gadong, malam tadi.

Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka seterusnya menyatakan bahawa pertukaran rakyat dengan rakyat (*people-to-people exchanges*) seperti program pertukaran belia dan pertukaran akademik antara universiti, merupakan asas kepada pengukuhan dan peluasan persahabatan dua buah negara.

"Kerjasama akademik antara universiti di Jepun seperti Kagawa University dan Osaka University dan universiti-universiti di Brunei terus berkembang. Baru-baru ini, terdapat peningkatan dalam lawatan pendidikan, di mana pelajar sekolah menengah rendah dan menengah atas Jepun telah berkunjung ke NBD.

"Saya percaya hal ini demikian kerana NBD mempunyai kelebihan seperti budaya Islam yang kaya, alam semula jadi yang luas, penggunaan bahasa Inggeris, layanan baik dan yang paling utama ialah keamanan serta keselamatan," jelas Tuan Yang Terutama.

Selain itu, pada Oktober lalu, Royal Brunei Airlines telah menyambung semula penerbangan perkongsian kod (*codeshares*) dengan Japan Airlines sekali gus menjadikan perjalanan antara kedua-dua negara lebih mudah diakses.

"Hasilnya, kami menjangkakan bilangan pelancong Jepun yang melancong ke negara ini meningkat lebih dua kali ganda berbanding tahun lalu dan ini seterusnya menekankan hubungan yang semakin berkembang antara negara kita. Memandang ke hadapan, kami komited untuk terus mempromosikan pertukaran orang ke orang, yang penting untuk membina hubungan yang lebih kukuh dan mendalam antara Jepun dan NBD," ujar TYT.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman. Turut hadir, duta-duta besar, pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli dalam bidang perniagaan, akademik dan kebudayaan.

# USAHA MEWUJUDKAN INDUSTRI PENGANGKUTAN, LOGISTIK BERKESAN



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap pada majlis berkenaan.**

**JERUDONG**, Selasa, 10 Februari. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha mengongsikan di bawah Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) 2030, MTIC telah menetapkan sasaran yang jelas untuk meningkatkan dengan ketara pergerakan kargo udara dan laut menjelang tahun 2030.

Bagi kargo udara sahaja, jelas Yang Berhormat, aspirasi MTIC adalah untuk mencapai sebanyak 38,000 tan pergerakan kargo udara menjelang tahun 2030.

"Sebagai langkah awal, saya dengan sukacitanya ingin berkongsi bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun lalu telah memperkenankan BIACC untuk dianugerahkan pajakan jangka panjang yang membolehkan mereka membangunkan semula serta memodenkan operasi Bangunan Terminal Kargo Udara (ACTB) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

"Pembangunan ini, apabila siap kelak, akan meningkatkan kapasiti pengendalian kargo lebih daripada dua kali ganda, di samping memperkenalkan kemudahan penyimpanan sejuk bertaraf terkini serta keupayaan pengendalian kargo bernilai tinggi," terang Yang Berhormat pada Majlis Perasmian BIACC Trade and Logistics Expo 2026 bertempat di Dewan BRIDEX, Jerudong, hari ini.

Yang Berhormat juga dengan sukacitanya turut mengongsikan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun lalu juga memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Penerbangan Awam (Aviation Co.) bagi menyelia kemajuan sektor penerbangan awam, termasuk kecekapan dan daya saing LTAB.

Jawatankuasa ini, tambah Yang Berhormat, dipengerusikan bersama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, yang seterusnya mencerminkan iltizam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap pembangunan sektor ini, memandangkan operasi lapangan terbang merupakan elemen teras bagi mewujudkan industri pengangkutan dan logistik yang berkesan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, walaupun infrastruktur dan teknologi merupakan perkakasan sektor logistik, komuniti perniagaan

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

adalah perisiannya.

"Tanpa 'sistem operasi' berupa perkongsian sektor swasta dan aliran perdagangan yang diterajui industri, pelaburan yang dibuat akan kekal kurang dimanfaatkan. Kejayaan terletak pada titik pertemuan antara kapasiti fizikal dan kerjasama komersial," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, inilah sebabnya platform seperti BIACC Trade and Logistics Expo amat penting. Ia menghimpunkan keseluruhan ekosistem untuk berkongsi idea, mempamerkan inovasi, membina perkongsian serta secara kolektif memperkukuh daya saing logistik Negara Brunei Darussalam (NBD).

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan agar ekspo ini menjadi pemangkin kepada perkongsian yang lebih kukuh, inovasi yang lebih besar serta masa depan yang lebih saling terhubung bagi NBD.

Dengan memperkukuh keupayaan logistik pada hari ini, jelas Yang Berhormat, kita sedang menjamin kedudukan NBD dalam ekonomi serantau dan global pada masa hadapan, demi manfaat generasi akan datang.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, pertumbuhan sebenar sektor logistik merupakan satu proses sinergi, di mana infrastruktur dan sistem fizikal hanya akan menjana nilai apabila digerakkan oleh ekosistem kukuh yang merangkumi perusahaan swasta, penyedia perkhidmatan yang cekap dan tangkas, serta para pelabur strategik.

"Semasa kita memulakan perjalanan ini bersama, semoga ekspo ini menjadi pemangkin kepada perkongsian yang lebih kukuh, inovasi yang lebih menyeluruh serta masa depan yang lebih saling berhubung bagi NBD.

"Dengan semangat kemajuan dan kerjasama ini serta dengan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan penuh sukacita merasmikan Pembukaan Ekspo Perdagangan dan Logistik BIACC 2026. Semoga segala usaha yang dilaksanakan di sini membawa manfaat yang berkekalan kepada NBD," ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapan.

## Menggalakkan kerjasama industri, sokong pembangunan PKS

**JERUDONG**, Selasa, 10 Februari. - BIACC Trade & Logistics Expo 2026 menghimpunkan para pihak berkepentingan daripada keseluruhan ekosistem perdagangan dan logistik, termasuk agensi kerajaan, pengendali logistik, syarikat penerbangan, institusi kewangan, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta penyedia perkhidmatan sokongan berkaitan.

Ekspo yang berlangsung di Dewan BRIDEX, Jerudong selama dua hari iaitu pada 10 hingga 11 Februari 2026 itu dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku tetamu kehormat majlis.

Acara ini diposisikan sebagai platform industri yang berfokus untuk memperkukuhkan penyelarasan, kerjasama dan penglibatan praktikal dalam sektor perdagangan dan logistik.

Seiring dengan rantaian bekalan global yang semakin saling berkaitan, ekspo ini menyediakan ruang bagi para pihak berkepentingan untuk bertukar pandangan, berkongsi pengalaman operasi serta meneroka penyelesaian terhadap cabaran bersama.

Sepanjang dua hari penganjuran, ekspo ini akan menampilkan siri dialog dan forum tematik yang disusun, merangkumi topik utama seperti kesalinghubungan logistik, e-Dagang dan perdagangan digital, masa depan modal insan logistik, logistik berteraskan kemampanan alam sekitar dan perspektif operasi merentasi rantaian bekalan.

Sesi-sesi ini direka untuk menggalakkan perbincangan berinformasi serta perkongsian pengalaman yang berasaskan konteks operasi sebenar.

Selain sesi dialog, ruang pameran akan menghimpunkan organisasi yang mewakili fungsi utama dalam ekosistem perdagangan dan logistik. Persekitaran ini akan menyokong interaksi yang lebih fokus dan penglibatan praktikal, membolehkan para peserta berhubung secara langsung, bertukar pandangan serta meneroka peluang kerjasama dalam suasana yang lebih bermakna.

Melalui platform ini, BIACC Trade & Logistics Expo 2026 bertujuan untuk menggalakkan kerjasama industri yang lebih kukuh, mengetengahkan keupayaan perdagangan dan logistik Brunei, menyokong pembangunan PKS dan eksport, serta menyumbang kepada usaha nasional ke arah kepelbagaian ekonomi selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

BIACC Sdn. Bhd. merupakan sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan di bawah Darussalam Assets Sdn. Bhd. Perniagaan terasnya adalah pengendalian darat kargo udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di mana syarikat ini memainkan peranan penting dalam menyokong operasi serta kesalinghubungan kargo udara Negara Brunei Darussalam (NBD).

Terletak secara strategik di Asia Tenggara, BIACC berperanan sebagai penghubung antara pasaran kargo udara utama dunia, termasuk Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Eropah, Australasia dan rantau Asia secara keseluruhannya.

Syarikat ini menyediakan perkhidmatan pengendalian kargo udara dan pergudangan kepada syarikat penerbangan berjadual dan tidak berjadual, integrator serta pelbagai pelanggan seperti ejen penghantaran, perkhidmatan pos, kedutaan asing dan syarikat kurier.

BIACC melaksanakan keseluruhan operasi terminal dan gudang kargo, termasuk penerimaan kargo, dokumentasi, pembinaan dan pemecahan unit kargo, penyerahan kargo, penyelarasan pelepasan kastam serta pengendalian barangan berbahaya. Selain itu, BIACC turut mengurus operasi hab kargo bagi Royal Brunei Airlines di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sebagai sebahagian daripada pembangunan strategiknya, BIACC telah memperluaskan kepentingan perniagaan dalam aktiviti logistik berkaitan di peringkat tempatan dan serantau, bagi menyokong keperluan logistik pelbagai industri.

Syarikat ini aktif mempromosikan perkhidmatan logistik pihak ketiga serta bekerjasama rapat dengan pelanggan untuk mengenal pasti penyelesaian logistik yang praktikal dan menjimatkan kos.

Dengan memanfaatkan rangkaian logistik yang luas serta pengalaman bertahun-tahun dalam pengurusan logistik udara, BIACC menawarkan penyelesaian logistik menyeluruh dari hujung ke hujung dan terus membangunkan perkhidmatan baharu bagi meningkatkan daya saing serta nilai tambah kepada pelanggan.

Kekuatan utama BIACC terletak pada kepakaran teknikal, pengalaman operasi serta pengetahuan mendalam dalam pengendalian darat kargo udara dan pengurusan gudang, disokong oleh keupayaan menyediakan penyelesaian logistik bersepadu melalui udara, darat dan laut.

Syarikat ini memberi penekanan tinggi terhadap pembangunan modal insan melalui pelaburan berterusan dalam latihan dan peningkatan keupayaan dalam pengurusan kualiti, kemahiran teknikal serta kemahiran insaniah. BIACC juga merupakan Pusat Latihan Diluluskan IATA (International Air Transport Association).

Dalam aspek keselamatan dan kualiti, BIACC merupakan




**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian BIACC Trade & Logistics Expo 2026 (atas dan bawah).**

Pengendali Kargo RA3 berdaftar serta antara syarikat model Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) di NBD. Syarikat ini menjalankan latihan dalaman secara berterusan melalui program TQM yang disokong oleh jurulatih TQM dalaman yang bertauliah.

BIACC memegang pelbagai pensijilan antarabangsa termasuk ISO 9001:2018 dan ISO 45001:2018, selain turut berdaftar dengan ISAGO serta menyertai Program Perkongsian Pengendalian Darat IATA, mencerminkan komitmen berterusan syarikat terhadap keselamatan, kualiti dan amalan terbaik antarabangsa.



# Ceramah Khas Israk, Mikraj perkukuh persediaan rohani menjelang Ramadan



**ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Februari. - Sembahyang merupakan lambang kejayaan sebenar bagi seorang Muslim kerana ia bukan sahaja membentuk ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, malah menjadi asas kejayaan di dunia dan akhirat.

Golongan yang bertakwa adalah mereka yang memelihara dan menunaikan kewajipan sembahyang dan kejayaan yang hakiki bukan hanya diukur melalui pencapaian duniawi tetapi merangkumi kebahagiaan dan ganjaran di akhirat.

Perkara ini ditekankan dalam Ceramah Khas bertajuk 'Dari Langit Israk dan Mikraj Menuju Madrasah Ramadan' oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian dalam Ceramah Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijrah serta Kedatangan Awal Ramadan bagi Kelas Bimbingan Muslimah Senegara yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, hari ini.

Mengimbas peristiwa Israk dan Mikraj, beliau menerangkan bagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diangkat ke Sidratulmuntaha dan menerima perintah sembahyang.

Atas nasihat Nabi Musa Alaihisallam, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memohon keringanan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sehingga jumlah sembahyang dikurangkan daripada 50 waktu kepada lima waktu sehari semalam. Pengurangan ini adalah sifat rahmat dan belas ihsan Allah Subhanahu Wata'ala serta keprihatinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap umatnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa antara tujuan utama sembahyang ialah untuk mencegah perbuatan keji dan mungkar, menenangkan jiwa serta menghapuskan dosa-dosa kecil. Sembahyang juga disifatkan sebagai tiang agama, di mana runtuhnya sembahyang akan menyebabkan rapuhnya keseluruhan pegangan agama seseorang.

Dalam pada itu, beliau turut menekankan kepentingan kekhusyukan dalam sembahyang yang merangkumi aspek persediaan, pelaksanaan dan penutup. Antara langkah untuk mencapai kekhusyukan ialah dengan meninggalkan urusan dunia ketika sembahyang serta memahami makna bacaan dalam sembahyang agar hati lebih lapang dan fokus.

Ceramah tersebut juga mengupas kelebihan bulan Syaaban yang disifatkan sebagai jambatan menuju Ramadan. Bulan ini, menurut beliau, merupakan masa terbaik untuk melatih diri dengan memperbanyakkan amalan soleh seperti membaca Al-Quran, beristighfar dan meningkatkan ibadah.

Sebagai persediaan menghadapi Ramadan, umat Islam disarankan untuk melazimi niat, menjaga lidah dan penglihatan serta memanfaatkan seluruh anggota ke arah kebaikan. Beliau mengingatkan agar umat Islam memaksa diri melakukan kebaikan sebagai latihan rohani demi merebut peluang gandaan pahala yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang bulan Ramadan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Sesi ceramah anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah ini diadakan bagi mengukuhkan lagi semangat serta menguatkan azam para Muslimah dalam meningkatkan ibadah sempena kedatangan bulan Ramadan yang bakal tiba, di samping memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam masa yang sama, penganjuran ceramah ini adalah juga untuk menggalakkan penglibatan aktif para Muslimah dalam memperkembangkan syiar Islam serta mengeratkan silaturahim sesama Muslimah Kelas Bimbingan Muslimah.

Di samping itu, ceramah ini bertujuan meningkatkan kefahaman terhadap peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

Ceramah ini turut dihasratkan dapat mempersiapkan para Muslimah dari segi rohani dan jasmani agar mereka dapat menyambut serta menghayati bulan Ramadan dengan lebih berkesan.

Majlis diserikan lagi dengan Persembahan Syair dan Lagu Dakwah yang disampaikan oleh Kumpulan Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Sebelum majlis bersurai, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah, Dayang Nurhafizah binti Haji Ismadi.



**CERAMAH Khas disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.**

# 6 PEGAWAI ABDB DIANUGERAHKAN OBOE ENDEAVOUR ACADEMIC EXCELLENCE

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



**TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada penyampaian Anugerah OBOE Endeavour Academic Excellence (atas dan kanan).**

**TANAH JAMBU**, Isnin, 9 Februari. - Seramai enam Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menerima Anugerah OBOE Endeavour Academic Excellence dalam satu majlis yang berlangsung di Akademi Pertahanan ABDB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, Penasihat Pertahanan Australia ke NBD, pegawai-pegawai kanan, para Alumni Anugerah OBOE dan pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Australia di NBD.

Para penerima anugerah terdiri daripada Leftenan Komander Shamshu Nuzli Wazri bin Haji Tajuddin, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); Mejar (U) Muhammad Adib bin Haji Hashim, Mejar (U) Dayangku Aainaamolyatie binti Pengiran Salim, Mejar Pengiran Abdul Rahim bin Pengiran Haji Yakup, Leftenan Komander Mohammad Asharuddin bin Ahanapiah, TLDB; dan Mejar (U) Muhammad Ammar Rusyduddin bin Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Komandan Akademi Pertahanan ABDB, Kolonel (U) Azmie Iskandar bin Ariffin, serta ucapan daripada Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy.

Anugerah OBOE Endeavour merupakan satu program kecemerlangan akademik daripada Kerajaan Australia, yang dianugerahkan kepada para peserta Kursus Maktab Turus yang mencapai keputusan cemerlang semasa kursus berkenaan.

Para penerima anugerah akan dijemput ke Australia bagi menghadiri sesi pertemuan dengan Pemimpin-pemimpin Kanan Angkatan Pertahanan Australia, melawat pangkalan-pangkalan tentera, menyertai aktiviti pendidikan dan kebudayaan, serta mengikuti sesi dialog dan perbincangan.

Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pegawai-pegawai berkenaan mengenai Australia dan Angkatan Pertahanan Australia, di samping memperkukuh persefahaman mengenai kepentingan keselamatan serantau.

Inisiatif berkenaan juga berperanan untuk mengeratkan hubungan profesional antara kedua-dua angkatan tentera serta memperkukuh hubungan pertahanan dua hala antara NBD dan Australia.

Majlis berkenaan merupakan penganjuran kali kelapan sejak diperkenalkan pada 2018.

Anugerah OBOE Endeavour bersempena memperingati sumbangan Angkatan Pertahanan Australia dalam kejayaan pembebasan Borneo semasa Operasi OBOE dalam Perang Dunia Kedua, yang turut menandakan permulaan hubungan pertahanan di antara NBD dan Australia.



# PUPUK KERJASAMA PELBAGAI BIDANG UNTUK PEMBANGUNAN BERSAMA



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi berkenaan.**

**Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**JERUDONG**, Selasa, 10 Februari. - Kedutaan Besar Kuwait di Negara Brunei Darussalam malam tadi mengadakan Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait Ke-65 dan Hari Liberasi Kuwait Ke-35 yang berlangsung di Royal Berkshire, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Resepsi itu ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu. Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan Lagu Kebangsaan Kuwait. Majlis turut diisikan dengan persembahan video 'Visit Kuwait' disusuli dengan penyampaian cenderamata yang disempurnakan oleh Mr. Abdullah Al Obaid selaku Charge d' Affaires ad interim of the State of Kuwait kepada Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM sebelum sesi memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait.

Tahun ini menandakan ulang tahun ke-35 penubuhan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Kuwait. Sejak 1990, hubungan dua hala antara kedua-dua negara terus berkembang dengan mantap, disokong oleh rasa hormat, kepercayaan, dan nilai budaya dan agama yang dikongsi bersama. Persahabatan yang kukuh dan berkekalan antara kedua-dua negara mencerminkan komitmen kepimpinan mereka untuk memajukan kerjasama demi manfaat bersama rakyat mereka.

Dalam tempoh tiga dekad yang lalu, hubungan terus diperkukuh dalam pelbagai bidang, yang jelas terbukti melalui kunjungan rasmi termasuk Lawatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kuwait pada tahun 2015, diikuti dengan Lawatan Rasmi Almarhum Amir Kuwait ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016 dan seterusnya pertemuan Putera Mahkota Sheikh Sabah Al-Khalid Al-Sabah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur di luar Sidang Kemuncak ASEAN 46. Pada masa hadapan, Kuwait akan menganjurkan mesyuarat Jawatankuasa Bersama bagi Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (JCM) Ke-4 di bandar raya Kuwait. Mesyuarat yang dijangkakan itu akan menumpukan pada meningkatkan peluang perdagangan dan pelaburan serta memupuk kerjasama antara agensi kerajaan dan sektor swasta dalam bidang kepentingan bersama, termasuk tenaga bersih dan teknologi digital, dan kewangan Islam selaras dengan keutamaan pembangunan kedua-dua negara. Kedua-dua negara mengesahkan komitmen untuk mengukuhkan lagi kerjasama dua hala, termasuk melalui pertukaran pegawai kanan dan mengadakan Suruhanjaya Bersama (JC) pertama di peringkat Menteri Luar.

Di tengah-tengah ketidaktentuan global, Kuwait dan Negara Brunei Darussalam menekankan kepentingan kerjasama yang lebih erat, khususnya dalam kepelbagaian ekonomi, memanfaatkan kekuatan bersama untuk membina masa depan yang berdaya tahan dan makmur.

# Warga KHEU terima kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM



**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**PENGAGIHAN kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Februari. - Pengurniaan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setiap menjelangnya bulan suci Ramadan adalah dinanti-nantikan oleh seluruh penduduk di negara ini yang sememangnya mencerminkan sikap pemedulian dan kasih baginda.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada ketua-ketua jabatan, bahagian dan unit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan petang tadi di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku tetamu kehormat kepada ketua-ketua jabatan dan bahagian serta unit di bawah KHEU, untuk dilaksanakan pengagihannya kepada setiap pegawai dan kakitangan masing-masing di bawah kementerian berkenaan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim, serta ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai kanan di bawah kementerian berkenaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya, Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi baginda.

Pada tahun ini, sebanyak 22,300 kotak kecil kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia diagihkan kepada warga KHEU dan ini merupakan salah satu amal jariah baginda yang dihasratkan dapat dinikmati sebagai juadah untuk berbuka puasa oleh semua golongan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini pada bulan Ramadan yang akan menjelang.

# 19 keluarga mangsa bencana terima bantuan

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menyalurkan bantuan kewangan berjumlah keseluruhan BND29,975 kepada 19 orang ketua keluarga berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS, hari ini.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis.



Daripada 19 ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari ini, seramai 13 ketua keluarga adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir, dua ketua keluarga terlibat dalam kejadian tanah susur, dua ketua keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran, seorang ketua keluarga terlibat dalam kejadian angin kencang dan seorang ketua keluarga terlibat dalam keadaan rumah tidak selamat untuk didiami.

Sementara itu, tiga keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran, banjir dan tanah susur, masing-masing telah diberikan bantuan keperluan asasi dan catuan makanan. Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.



**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir dan seterusnya menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (kiri dan atas).**

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

# MENEROKA CABARAN GLOBAL, MENGEMBANGKAN KEMAHIRAN PELAJAR

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Februari. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (Jerudong International School - JIS) telah menjadi tuan rumah kepada FOBISIA Model United Nations (MUN) Conference 2026 dari 6 hingga 8 Februari 2026, dengan mengalu-alukan perwakilan pelajar dari seluruh rangkaian FOBISIA ke Kampus JIS di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Persidangan tiga hari berkenaan telah menghimpunkan pelajar daripada pelbagai sekolah antarabangsa untuk terlibat dalam perbahasan yang bermakna, penyelesaian masalah secara kolaboratif dan perbincangan diplomatik di bawah tema 'Finding Unity in Uncertainty'.

Para perwakilan meneroka cabaran global yang kompleks, sambil mengembangkan kemahiran mereka dalam pemikiran kritis dan pengucapan awam.

Penceramah utama pada majlis perasmian dan penutupan termasuk Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, TYT Sun Nahmkook; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn Roberta McClelland, yang berkongsi pandangan tentang diplomasi, kepimpinan dan kerjasama antarabangsa.

Sekolah-sekolah yang mengambil bahagian termasuk HELP International School (Kuala Lumpur), Denla British School (Bangkok), Kellett School Hong Kong, elc International School (Kuala Lumpur), The British School New Delhi, The British School Manila, Network International School (Yangon), JIS dan Kinabalu International School (Kota Kinabalu).

Sepanjang persidangan, para pelajar bekerja dalam jawatankuasa untuk mewakili negara dan perspektif yang berbeza, berusaha untuk membina kata sepakat dan mencadangkan penyelesaian yang bermakna kepada isu-isu antarabangsa kontemporari.

Penganjuran Persidangan FOBISIA MUN berkenaan mencerminkan komitmen JIS untuk menyediakan pengalaman akademik yang memperkaya pelajar di luar bilik darjah. Acara seperti MUN memperkasa golongan muda untuk terlibat dengan hal ehwal global, mengamalkan dialog yang saling menghormati serta membangunkan kemahiran kepimpinan yang akan memberi manfaat kepada mereka dalam pengajian dan kerjaya masa depan mereka.

Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan menyatakan bahawa Persidangan FOBISIA MUN telah menyediakan satu platform yang sangat baik untuk pelajar meneroka cabaran global, bertukar perspektif dan membangunkan kemahiran penting dalam diplomasi dan kepimpinan.

"Kami berbesar hati dan berbangga untuk menganjurkan acara yang menggalakkan perbincangan yang bernas, kerjasama dan pemahaman yang lebih mendalam tentang tanggungjawab kewarganegaraan global.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tulus ikhlas kepada Penyelaras MUN kami, Claire Shearman dan Joe Wall, atas dedikasi mereka dalam menjayakan persidangan yang begitu berjaya dan bermanfaat ini," ujarnya lagi.



**TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam hadir pada FOBISIA Model United Nations Conference 2026.**

## Memperkukuh, mempertingkatkan mekanisme kerjasama tangani isu penyalahgunaan dadah

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik



**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Februari. - Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Badan Narkotika Nasional (BNN), Republik Indonesia buat julung kalinya pada pagi tadi bagi memperkukuh dan mempertingkatkan mekanisme kerjasama dalam menangani isu penyalahgunaan dadah di rantau ASEAN.

Kerjasama berkenaan merangkumi pertukaran maklumat, kepakaran dan amalan terbaik dalam usaha penguatkuasaan undang-undang dadah, pendidikan pencegahan dadah serta rawatan dan pemulihan penagihan dadah.

Majlis Penandatanganan MoU telah berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail telah menandatangani MoU berkenaan bagi pihak Negara Brunei Darussalam, manakala Republik Indonesia diwakili oleh Deputy for Legal Affairs and Cooperation, BNN, Police Inspector General Drs. Agus Irianto.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia Ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah.

Police Inspector General Drs. Agus Irianto turut menyampaikan satu ceramah khas bertajuk 'Indonesia's Experience : Evolving Drug Trafficking Trends, Transnational Syndicate and Operational Responses'.

Ceramah berkenaan berkongsi pengalaman dan pendekatan serta tindak balas Republik Indonesia terhadap perkembangan jenayah dadah di negara berkenaan. Sesi ceramah berkenaan turut dihadiri oleh Pengerusi-pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara serta Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pegawai-pegawai kanan dari JPM, Pejabat Peguam Negara dan BKN.

Sebelum Majlis Penandatanganan MoU berkenaan, Police Inspector General Drs. Agus Irianto telah mengadakan kunjungan muhibah ke atas Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM.

Semasa kunjungan muhibah berkenaan, kedua-dua pihak telah bertukar-tukar pandangan mengenai isu dadah semasa serta peluang-peluang untuk memperkukuh kerjasama dua hala dalam menangani jenayah dadah di peringkat dua hala.



**POLICE Inspector General Drs. Agus Irianto mengadakan kunjungan muhibah ke atas Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM.**

## Pendedahan menyeluruh ibadah haji



**SEKOLAH Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok mengungkayahkan Program Ilal Majdi Wal 'Ula bertemakan Program Simulasi Manasik Haji yang diadakan di sekolah berkenaan (atas dan bawah).**



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**KATOK**, Isnin, 9 Februari. - Ibadat haji merupakan Rukun Islam yang kelima dan wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang berkemampuan di seluruh dunia. Pada tahun 2025, seramai 992 jemaah haji dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah terpilih sebagai tetamu Allah untuk menunaikan ibadah haji.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan setiap jemaah sepanjang berada di tanah suci dengan menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi memastikan keselesaan dan kelancaran ibadah jemaah haji NBD.

Dalam pada itu, bagi mengukuhkan kefahaman dan memupuk keazaman untuk menunaikan ibadah haji di masa akan datang dalam kalangan para pelajar, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Katok, pagi tadi, mengungkayahkan Program Ilal Majdi Wal 'Ula bertemakan Program Simulasi Manasik Haji yang diadakan di sekolah berkenaan.

Program juga bertujuan untuk memberi pendedahan menyeluruh kepada para pelajar mengenai pelaksanaan ibadah haji melalui gabungan pembelajaran teori dan praktikal dan seterusnya mengukuhkan penguasaan para pelajar dalam mata pelajaran Fiqh.

Hadir selaku tetamu khas bagi merasmikan acara tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali. Acara turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam serta pelajar-pelajar dari sekolah Arab lain.

# Puasa Yang Memerlukan Izin Suami




**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**BERDASARKAN penjelasan di atas, dapat difahami bahawa bagi seorang isteri, tidak semua puasa memerlukan izin suami. Puasa-puasa yang tidak memerlukan izin suami, isteri tidak boleh dilarang atau diberhentikan dari mengerjakannya. Manakala puasa-puasa yang memerlukan izin suami pula, suami boleh melarang isteri dari mengerjakannya dan dia juga boleh melarangnya dari meneruskan puasanya. Isteri yang tidak mentaati suaminya dalam hal ini dianggap nusyuz.**

SEORANG isteri ada kalanya menanggung kewajipan ibadah yang perlu dilaksanakannya seperti qadha puasa Ramadhan yang luput kerana mengalami haidh dan sebagainya. Selain itu, mereka juga ada kalanya mempunyai keinginan untuk menambah pahala dengan mengerjakan puasa-puasa sunat dan sebagainya.

Berkait perkara mengerjakan puasa ini, terdapat hadits yang menyebut tentang kewajipan isteri mendapatkan izin suami untuk mengerjakan puasa. Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda :

**Maksudnya** : *Tidak halal (haram) bagi seorang perempuan untuk berpuasa sedangkan suaminya hadir (tidak bermusafir), melainkan dengan izinnya.*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadits di atas menjadi persoalan terutama bagi kaum perempuan kerana zahir hadits membawa maksud seorang isteri tidak boleh mengerjakan puasa ketika suaminya hadir melainkan setelah mendapat keizinannya. Persoalan yang timbul ialah adakah seorang isteri memerlukan izin suami untuk mengerjakan semua puasa? Adakah puasa akan terjejas sekiranya dikerjakan tanpa memohon izin terlebih dahulu dari suami? Adakah sah puasa sekiranya dikerjakan sekalipun suami tidak mengizinkannya?

Seorang suami boleh melarang isterinya dari mengerjakan puasa. Walaupun demikian, tidak semua puasa boleh dilarang isteri mengerjakannya. Atas sebab itu, menurut ulama hanya puasa-puasa tertentu sahaja yang isteri perlu meminta izin daripada suaminya untuk mengerjakannya. Termasuk juga dalam maksud meminta izin itu ialah isteri mengetahui keredhaan suami mengenainya.

Jenis-jenis puasa yang suami boleh melarang isteri mengerjakannya adalah seperti berikut :

**1) Puasa-puasa sunat**

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata dalam kitabnya Minhaj ath-Thalibin :

**Ertinya** : *Dan dia (suami) harus melarangnya (isterinya) mengerjakan puasa sunat. Maka jika dia (isteri) enggan (mentaatinya), maka dia dianggap nusyuz menurut pendapat al-azhar. Dan pendapat al-ashah (menyatakan) bahawa (puasa Ramadhan) yang qadhanya tidak sempit waktunya (hukumnya) adalah seperti puasa sunat, maka dia (suami) juga harus melarangnya.*

Menurut para ulama asy-Syafi'iyyah, maksud puasa sunat dalam perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas ialah puasa sunat yang tertentu sahaja. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* ketika mensyarah perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj berkata bahawa puasa sunat yang dibolehkan suami melarang isteri mengerjakannya itu ialah puasa sunat *muthlaq*. Oleh yang demikian, seorang isteri yang hendak mengerjakan puasa sunat muthlaq wajib mendapat keizinan suami atau mengetahui akan redhanya.

Puasa-puasa sunat yang sama kedudukan hukumnya dengan puasa sunat *muthlaq* dalam hal ini ialah puasa sunat yang mempunyai waktu atau sebab (*an-nafl ar-ratib*) yang berlaku berulang kali dalam lingkungan satu tahun atau berulang-ulang setiap bulan atau setiap minggu, seperti puasa sunat Isnin dan Khamis serta puasa sunat hari-hari Abyadh (hari ke-13, 14 dan 15 bulan Hijriyyah). Oleh yang demikian, isteri wajib mendapat keizinan suami atau mengetahui akan redhanya untuk mengerjakan puasa-puasa sunat seperti yang disebut di atas.

Dalam hal ini, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah*, suami boleh melarang isterinya mengerjakan puasa-puasa sunat yang disebut di atas dan dia juga boleh mengarahkan isterinya berbuka sekiranya isterinya itu sedang mengerjakannya sekalipun ketika itu matahari sudah hampir terbenam. Hal ini kerana hak suami lebih diutamakan dan menjadi kewajipan ke atas isteri.

Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah, tidak disyaratkan ketika melarang isterinya berpuasa itu suaminya dapat menjima'nya. Bahkan dia boleh melarang isterinya berpuasa sekalipun dia tidak dapat menjima'nya kerana suatu sebab seperti kerana keuzuran secara fizikal umpamanya zakarnya terputus atau kerana ratq iaitu faraj isterinya tertutup kerana ketumbuhan daging yang menutup saluran faraj atau kerana keuzuran syar'i seperti kerana sedang mengerjakan puasa wajib atau kerana dalam ihram.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah*, suami boleh melarang isterinya mengerjakan puasa-puasa sunat yang tersebut di atas sekalipun ketika melarang itu dia tidak ada niat untuk berseronok-seronok dengan isterinya. Hal ini adalah kerana dikhuatiri keinginan untuk berseronok-seronok itu timbul ketika isterinya sedang berpuasa lalu perkara ini mendatangkan kesusahan ke atas suaminya sehinggakan suaminya itu menarik balik keinginannya untuk berseronok-seronok dengan isterinya itu kerana malu, menjaga maruah dan sebagainya.

Bahkan sekiranya isterinya itu enggan mentaatinya dan tetap mengerjakan puasa, maka suami boleh mengarahkan isterinya berbuka puasa. Sekiranya isterinya masih enggan mentaatinya dan tidak mahu berbuka puasa, maka mengikut pendapat *al-azhar* isterinya itu dianggap nusyuz kerana keengganan mematuhi arahan suaminya.

Oleh yang demikian, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah*, haram hukumnya seorang isteri mengerjakan puasa-puasa sunat yang tersebut di atas dalam keadaan suaminya hadir tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada suaminya atau tanpa mengetahui akan redhanya. Sekalipun haram, menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* puasanya tetap sah akan tetapi dia tidak mendapat pahala.

Keperluan meminta izin daripada suami untuk mengerjakan puasa ini adalah semasa suami hadir sahaja. Adapun sekiranya suaminya sedang bermusafir pula, maka isteri boleh mengerjakan mana-mana puasa tanpa meminta izin daripada suaminya.

Adapun puasa-puasa *an-nafl ar-ratib* yang hanya berlaku setahun sekali seperti puasa sunat 'Arafah, puasa sunat 'Asyura, puasa sunat Tasu'a (puasa sunat pada hari sembilan Muharram) dan puasa sunat enam hari di bulan Syawal pula, maka isteri tidak perlu meminta izin suami untuk berpuasa dan suami pula tidak boleh melarang isteri mengerjakannya. Sekiranya isterinya mengerjakan puasa-puasa sunat yang disebut di atas ini, lalu isterinya enggan berbuka setelah diarahkan berbuat demikian oleh suaminya, maka isterinya itu tidak dianggap nusyuz. Perkara ini disebut oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj dan asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj.

**2) Puasa qadha Ramadhan**

Menurut pendapat *al-ashah*, puasa qadha fardhu yang tidak wajib dikerjakan dengan segera seperti puasa Ramadhan yang terluput kerana keuzuran sedangkan waktu melaksanakan qadha itu masih luas, hukumnya adalah sama seperti puasa sunat *muthlaq*, puasa sunat Isnin dan Khamis serta puasa sunat hari-hari Abyadh. Oleh yang demikian, isteri wajib mendapat keizinan suami atau mengetahui akan redhanya untuk mengerjakan puasa qadha fardhu yang tidak wajib dikerjakan dengan segera ini. Suami pula boleh melarang isterinya mengerjakannya dan dia juga boleh melarang isterinya menyelesaikan puasanya itu. Hal ini kerana menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami, Imam ar-Ramli dan asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahumullah*, puasa qadha yang sedemikian boleh ditangguhkan sedangkan hak suami pula wajib dilaksanakan dengan segera.

Sekiranya puasa qadha tersebut perlu dikerjakan dengan segera seperti puasa Ramadhan yang terluput tanpa keuzuran atau yang terluput kerana keuzuran sedangkan waktu melaksanakan qadhanya sudah sempit, contohnya jumlah hari Sya'ban yang berbaki adalah sama bilangannya dengan puasa Ramadhan yang perlu diqadhanya, maka dalam hal ini isterinya tidak perlu meminta izin suami untuk berpuasa dan suami pula tidak boleh melarang isteri mengerjakannya.

**3) Puasa nazar**

Isteri wajib mendapat keizinan suami atau mengetahui akan redhanya untuk mengerjakan puasa nazar yang ditentukan waktu pelaksanaannya jika nazar itu dibuat selepas pernikahan tanpa izin suaminya. Contoh puasa nazar yang ditentukan waktu pelaksanaannya ini antaranya dia berkata : "*Demi Allah wajib atasku berpuasa nazar pada hari Khamis minggu hadapan.*" Dalam hal ini, suami boleh melarang isterinya menunaikan puasa nazar berkenaan.

Sekiranya puasa nazar yang ditentukan waktu pelaksanaannya itu dibuat sebelum pernikahan atau dibuat selepas pernikahan dengan izin suaminya, maka suami tidak boleh melarang isteri mengerjakannya.

Isteri juga wajib mendapat keizinan suami atau mengetahui akan redhanya untuk mengerjakan puasa yang dinazarkan secara mutlak iaitu nazar puasa yang tidak ditentukan hari pelaksanaannya dan suaminya pula boleh melarang isterinya daripada mengerjakannya. Hal ini sama keadaannya sama ada nazar itu dibuat sebelum pernikahan atau selepas pernikahan sekalipun nazar tersebut dibuat dengan izin suaminya kerana puasa nazar seperti demikian itu boleh ditangguhkan dan tidak wajib dilaksanakan dengan segera.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa bagi seorang isteri, tidak semua puasa memerlukan izin suami. Puasa-puasa yang tidak memerlukan izin suami, isteri tidak boleh dilarang atau diberhentikan dari mengerjakannya. Manakala puasa-puasa yang memerlukan izin suami pula, suami boleh melarang isteri dari mengerjakannya dan dia juga boleh melarangnya dari meneruskan puasanya. Isteri yang tidak mentaati suaminya dalam hal ini dianggap nusyuz.

Namun dalam hal ini, walaupun seorang suami mempunyai hak untuk melarang isteri mengerjakan puasa-puasa yang dijelaskan di atas, suami juga sewajarnya menyokong dan memberi peluang kepada isterinya untuk mengerjakan ibadah bagi mengelak berlakunya sebarang ketidakselesaan dan perselisihan.

**NAMUN dalam hal ini, walaupun seorang suami mempunyai hak untuk melarang isteri mengerjakan puasa-puasa yang dijelaskan di atas, suami juga sewajarnya menyokong dan memberi peluang kepada isterinya untuk mengerjakan ibadah bagi mengelak berlakunya sebarang ketidakselesaan dan perselisihan.**

# MEMPERKUKUH KETERHUBUNGAN, RANTAIAN BEKALAN BAGI MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Februari. - Majlis Pembukaan 2026 BIMP-EAGA Strategic Planning Meeting (SPM) telah diadakan hari ini di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dan akan berlangsung sehingga 12 Februari 2026.

Majlis pembukaan berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Awang Mohammad Harris dalam ucapan alu-aluannya, mengingatkan kepada para pegawai BIMP-EAGA, khususnya Ketua-ketua Kluster dan Kumpulan Kerja, mengenai ketetapan 28th BIMP-EAGA Ministerial Meeting, iaitu kepentingan transformasi digital dan inovasi sebagai pemacu daya saing, di samping memperkukuh keterhubungan dan rantaian bekalan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Mesyuarat berkenaan antara lain membincangkan senarai Rolling Pipeline of Projects (RPOP) sedia ada serta mengenal pasti projek baharu bagi tempoh 2026 hingga 2028.

Selain itu, mesyuarat juga merangka pelan pelaksanaan bagi projek-projek *convergence* antara kluster dan Kumpulan Kerja BIMP-EAGA.

Sebagai penutup, sesi plenari yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari Negara-negara BIMP-EAGA, Bank Pembangunan Asia (ADB) serta Majlis Perniagaan BIMP-EAGA akan diadakan pada 12 Februari 2026.

Sesi berkenaan akan membincangkan inisiatif semasa dalam BIMP-EAGA, selain persediaan bagi Sidang Kemuncak Khas BIMP-EAGA serta Mesyuarat Menteri-menteri BIMP-EAGA Ke-29 dan Mesyuarat Berkaitan yang dijadualkan berlangsung pada tahun ini.

Di samping mesyuarat berkenaan, satu mini ekspo anjuran Brunei Darussalam BIMP-EAGA Business Council turut diadakan dengan penyertaan sebanyak 10 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dan serantau bagi mempromosi produk buatan tempatan, meningkatkan keterlihatan dan akses pasaran PMKS serta memperkukuh jaringan perniagaan dalam rantau BIMP-EAGA.

SPM berkenaan merupakan acara pembuka tirai bagi semua mesyuarat berkaitan BIMP-EAGA setiap tahun yang menghimpunkan semua pihak berkepentingan termasuk sektor swasta dalam sub-rantau ini bagi merangka strategi serta menentukan hala tuju kerjasama bagi tahun mendatang.




**MAJLIS Pembukaan 2026 BIMP-EAGA Strategic Planning Meeting (SPM) berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (atas), manakala gambar bawah dan kiri, sekitar majlis tersebut.**





# MINDA PEMBACA

## Ancaman berita palsu terhadap generasi digital

**LEDAKAN** teknologi maklumat telah menjadikan dunia tanpa sempadan, namun kemudahan ini turut membuka ruang kepada penularan berita palsu yang semakin sukar dibendung. Generasi digital yang membesar bersama *gadget* dan media sosial merupakan golongan paling terdedah kepada ancaman ini. Jika tidak ditangani dengan bijaksana, berita palsu mampu merosakkan pemikiran, nilai moral serta keharmonian masyarakat secara menyeluruh.

Antara ancaman utama berita palsu ialah pembentukan persepsi yang songsang dalam kalangan generasi digital. Maklumat tidak sahih yang disebarkan secara meluas boleh mempengaruhi kepercayaan dan keputusan seseorang tanpa asas yang kukuh. Lebih membimbangkan, berita palsu sering disebarkan secara sensasi untuk menarik perhatian, sekali gus mencetuskan panik dan konflik sosial. Fenomena ini membuktikan bahawa maklumat yang tidak ditapis boleh menjadi senjata berbahaya dalam dunia digital.

Selain itu, berita palsu turut melemahkan keupayaan berfikir secara kritis dan rasional. Generasi digital yang terlalu bergantung kepada maklumat segera cenderung menerima sesuatu berita tanpa membuat penelitian mendalam. Sikap ini menyebabkan mereka mudah dimanipulasi oleh pihak berkepentingan yang menyebarkan fitnah dan propaganda. Akibatnya, nilai kebenaran semakin terhakis dan masyarakat menjadi sukar membezakan antara fakta dan rekaan.

Langkah menangani ancaman ini memerlukan pendekatan holistik. Pendidikan literasi media harus diperkasakan sejak bangku sekolah agar generasi muda mampu menilai kesahihan sumber maklumat. Ibu bapa dan pendidik pula perlu membimbing anak-anak agar bersikap bertanggungjawab dalam penggunaan media sosial. Pada masa yang sama, pihak berkuasa wajar memperketat undang-undang serta mengambil tindakan tegas terhadap penyebar berita palsu demi menjaga ketenteraman awam.

Kesimpulannya, ancaman berita palsu terhadap generasi digital bukan sekadar isu teknologi tetapi isu pembentukan minda dan jati diri. Seiring dengan pepatah Melayu 'kerana mulut badan binasa', sikap cuai dalam menyebarkan maklumat boleh membawa padah besar. Oleh itu, generasi digital harus dibentuk menjadi pengguna media yang berilmu, beretika dan berfikiran matang demi kesejahteraan negara.

**Nama : Kamariah binti Jafarudin**
**No. K/P : 01-064XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Vape : Ancaman Senyap Terhadap Kesihatan Generasi Muda'**. Tarikh Tutup **: 11 Februari 2026**
2.**'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'**. Tarikh Tutup **: 18 Februari 2026**
3.**'Peranan Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi'**. Tarikh Tutup **: 25 Februari 2026**

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3.**Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75**
SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# TAKLIMAT TINGKATKAN KESEDARAN PENIPUAN DALAM TALIAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



Dibukakan Khas Bagi Warga Negara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16 / 17) Di Tempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Brunei Muara Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Brunei Muara.

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
**KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUAMP RIPAHS, KATOK / 2025-2026-1**
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
**KHEU / JPI / JKS / PPPB / SARIPAD / 2025-2026-1**
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Bandar Seri Begawan

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
**KHEU / JPI / JKS / PPPB / SASHHB, RIMBA / 2025-2026-1**
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
30 Syaaban 1447H /
18 Februari 2026M,
Tidak lewat
jam 12.00 Tengah Hari.



# 20 PESERTA MEMPERDENGARKAN BACAAN AL-QURAN





SUASANA Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri dan atas).

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS**, Selasa, 10 Februari. - Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan penganjuran Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah yang berlangsung selama dua hari bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Musabaqah tersebut bertujuan melahirkan golongan penghafaz Al-Quran yang bukan sahaja mampu menghafaz dengan lancar dan sempurna, bahkan memahami serta menghayati makna ayat-ayat suci Al-Quran, di samping membudayakan amalan membaca Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Seramai 25 peserta layak ke peringkat akhir, iaitu lima peserta bagi setiap kategori setelah berjaya melepasi peringkat saringan dan separuh akhir yang diadakan sebelumnya. Pada hari pertama, seramai 20 peserta daripada Kategori 'A', 'B', 'C' dan 'D' memperdengarkan hafazan masing-masing.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penolong Pensyarah, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Azim bin Awang Haji Ali.

Kategori pertandingan meliputi hafazan satu juz, surah-surah pilihan, empat juz dan 15 juz berserta pemahaman surah-surah tertentu, manakala pertandingan Kategori 'E' akan diteruskan pada hari kedua diikuti majlis penyampaian saguhati kepada peserta serta cenderamata kepada para hakim.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan merupakan acara tahunan anjuran KHEU melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS dalam usaha memperkukuh penghayatan Al-Quran dalam kalangan masyarakat.



SEBAHAGIAN yang hadir pada musabaqah berkenaan.

تابوڠ امانه ڤكرجا
TABUNG AMANAH PEKERJA

NOTIS PENTING

Notis ini adalah untuk Ahli-Ahli TAP yang:

- Berumur 56 tahun & ke atas
- Masih berada di bawah Skim TAP
- Belum membuat Pengeluaran TAP55

Ahli yang terlibat hendaklah memilih SATU daripada pilihan berikut:

**Pilihan 1: Buat Pengeluaran TAP55 melalui e-Amanah**

ATAU

- Selepas pengeluaran dibuat, akaun **TAP/SCP ahli akan ditukar secara automatik** kepada SPK.
- Baki SCP (jika berkenaan) akan dipindahkan ke dalam **Akaun Persaraan SPK.**
- Ahli boleh menghubungi Pusat Panggilan TAP untuk mendapatkan konsultasi mengenai pilihan bayaran balik atau pilihan anuiti bagi membantu memahami manfaat SPK.

**Pilihan 2: Sertai SPK dengan serta-merta**

- Sila kunjungi kaunter mana-mana cawangan TAP untuk tujuan pengesahan atau maklumat lanjut.

**Tarikh Akhir Keputusan:**

TAP memerlukan keputusan ahli **selewat-lewatnya pada 30 Mac 2026.** Sekiranya tiada keputusan dibuat, akaun **TAP/SCP ahli akan ditukar secara automatik kepada SPK.**

Untuk pertanyaan sila hubungi **Pusat Panggilan TAP di talian 272 2929** atau kunjungi cawangan TAP yang terdekat.

Imbas untuk mendapat senarai nama ahli Skim TAP

www.tap.com.bn 272 2929 ask@tap.com.bn

PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
TAHUN 11 BILANGAN 6 RABU 9 FEBRUARI, 1966. رابو 19 شوال 1385 PERCHUMA

# JABATAN PERTANIAN BRUNEI

## SENTIASA MENULONG PELADANG2 BAGI MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA

KILANAS. — Sa-ramai 12 orang ahli2 Persatuan Peladang dari Kampong Rambai, Tutong, telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Pusat Perchubaan Tanam2an Kilanas pada pagi hari Ithnin 7 Februari, 1966.

Dalam lawatan itu mereka telah di-beri peluang melawat ka-tempat2 perchubaan ternak-an dan berbagai2 jenis tanam-an dan sambil itu mereka di-beri tahu oleh pegawai2 pertanian bagaimana hendak mengusahakan-nya.

Lawatan tersebut telah di-ketuai oleh Ketua Kampong Rambai, Yang Mulia Dato Kurnia Diraja Awang Gadong.

Sa-belum lawatan itu di-adakan, mereka telah menghadhiri satu kursus singkat mengenai pertanian sa-lama lima hari di-Kampong Rambai dan dalam kursus itu mereka telah di-beri sharahan2 oleh pegawai2 dari Jabatan Pertanian Brunei.

Penulong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dalam uchapan mengalu2kan lawatan mereka itu telah menegaskan bahawa ini-lah yang julong2 kali-nya ahli2 Persatuan Peladang telah menunjokkan hasrat mereka untok benar2 meluaskan pengetahuan dalam bidang pertanian.

"Ini," kata-nya, "ada-lah satu langkah yang baik dan Jabatan Pertanian sentiasa memberi peluang kapada mereka untok menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang pertanian bagi meninggikan taraf hidup mereka di-masa hadapan."

Selanjut-nya beliau menegaskan bahawa dalam jangka tidak berapa lama lagi ahli2 Persatuan Peladang yang berkelayakan akan di-hantar keluar negeri untok meninjau sambil belajar mengenai gerak-an persatuan2 peladang dan perkembangan2 luar bandar.

Pengiran Damit menegaskan bahawa tahun 1966 ada-lah merupakan tahun langkah baru bagi Jabatan Pertanian Brunei dalam memupok ahli2 Persatuan Peladang khas-nya dan ra'ayat negeri ini umum-nya supaya mempelajari sa-chara meluas dalam bidang petanian.

*Gunakan-lah Bahasa Melayu*



Jawatan Kuasa Derma Hari Raya untok Anak2 Yatim, Kanak2 Sakit di-Rumah Sakit Besar Brunei dan Banduan2 serta Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masharakat, Klab Rotary Antara Bangsa, Brunei, telah mengadakan satu majlis bersama mera'ikan kanak2 yang sakit di-Rumah Sakit Besar, Brunei, menyambut Hari Raya Aidil Fitri dan Tahun Baru China baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin yang telah beruchap di-majlis itu dengan sifat beliau sa-bagai Pengerusi kedua2 Jawatan Kuasa tersebut. Dalam uchapan beliau, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Doktor I. G. Singh dan anggota2 Rumah Sakit Besar Brunei serta juga Ahli2 Jawatan Kuasa kedua2 Badan tersebut yang telah bekerjasama bagi menjayakan majlis itu. Dudok dalam gambar ini ia-lah Penulong Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China, Awang Hong Kok Tin yang telah menyampaikan hadiah2 kapada kanak2 yang sakit di-majlis tersebut.

# Latehan Menembak Di-Perkhemahan Berakas

BERAKAS. — Sa-buah Padang Tembak telah di-adakan untok menembak dengan senjata2 ringan, senapang2 jentera, arah ka-laut dari pantai di-Perkhemahan Berakas, Brunei.

(a) Kemunchak Kawasan Tembak itu ia-lah di-siring pantai Perkhemahan Berakas, letak-nya di-Garisan Lintang 4° 59' 58" Utara, Garisan Bujor 114° 55' 38" Timor.

(b) Dari (a) ka-arah 275° tetap sa-jauh 8,500 ela.

(c) Dari (a) ka-arah 25° tetap sa-jauh 8,500 ela.

(d) Dari sana menjadi suatu lengkok bulatan di-antara (b) dan (c) di-dalam lengkongan jari-jari 8,500 ela panjang dari kemunchak di-(a).

Waktu menembak ia-lah hari Thalatha dan Juma'at tiap2 minggu di-antara pukol 9 pagi dan 12 tengah hari waktu tempatan.

**AMARAN KAPADA ORANG2 KAPAL**

Orang2 kapal ada-lah di-beri amaran bahawa latehan menembak akan di-jalankan di-Padang Tembak Perkhemahan Berakas pada tiap2 hari Thalatha dan Juma'at di-antara pukol 9 pagi dan 12 tengah hari waktu tempatan di-dalam bulan ini.

# PERTUKARAN KADZI - KADZI

BANDAR BRUNEI. — Pertukaran Kadzi2 mulai pada pertengahan bulan Januari, 1966, ada-lah saperti berikut:

Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Metali, Kadzi Daerah Tutong, di-lantek menjadi Kadzi Daerah Brunei dan Muara.

Yang Dimuliakan Mudim Haji Adenan, Kadzi Daerah Belait di-lantek menjadi Kadzi Daerah Tutong.

Awang Abang Razalli bin Haji Zainuddin, Kadzi Daerah Brunei dan Muara di-lantek menjadi Kadzi Daerah Temburong.

Awang Ishak bin Adam, Kadzi Daerah Temburong di-lantek menjadi Kadzi Daerah Belait.

# Pendaftaran Kad2 Pengenalan Berakhir Pada 28 Februari 1966

**BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Kad2 Pengenalan untok orang2 yang tinggal di-Negeri Brunei akan berakhir pada 28 Februari, 1966 — ia-itu sa-tahun sa-lepas pendaftaran Kad2 Pengenalan itu di-mulai.**

**Mulai dari 1 Mach, 1966, pendudok2 negeri ini yang tidak dapat menunjokkan Kad2 Pengenalan mereka apabila di-kehendaki oleh pehak2 yang berkenaan akan di-dapati salah dan boleh di-hukum.**

**Oleh itu, pendudok2 negeri ini yang belum lagi mempunyai Kad2 Pengenalan, ada-lah di-nasehatkan supaya mendaftarkan nama2 mereka dan sa-bagai-nya di-Pejabat Pendaftaran, Jalan Kianggeh, Bandar Brunei, sa-belum 28 Februari, 1966.**

**Selain dari Pejabat Pendaftaran di-Bandar Brunei, Kad2 Pengenalan itu boleh juga di-perolehi dari Chawangan2 Pejabat Pendaftaran di-Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong.**



# Pantai Mempagong, destinasi riadah baharu kunjungan ramai

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Ihsan Penganjur Mempagong (Organizer of Mempagong)**

PANTAI Mempagong merupakan sebuah destinasi alam semula jadi yang kian mendapat perhatian dalam kalangan pencinta alam dan aktiviti rekreasi di Negara Brunei Darussalam. Nama Pantai Mempagong dipercayai berasal daripada Sungai Mempagong, salah satu sungai utama yang mengalir di kawasan persisiran pantai tersebut. Kawasan ini bukan sahaja menyimpan keindahan alam yang mempesona, malah sarat dengan nilai sejarah dan warisan nenek moyang penduduk kampung sekitarnya seperti Kampung Sungai Hanching, Kampung Salambigar, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Salar.

Pada zaman dahulu, sebelum terbinanya Lebuhraya Muara-Tutong, penduduk setempat terpaksa meredah laluan hutan untuk menuju ke Pantai Mempagong. Perjalanan tersebut bukan sekadar laluan biasa, malah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian masyarakat terdahulu. Sepanjang perjalanan, mereka memburu binatang seperti pelandok, kijang dan rusa dengan menggunakan jerat atau pukat, di samping mengutip hasil hutan seperti umbut nibong, kulat kayu dan sebagainya. Setibanya di pantai, mereka mencari rezeki dengan menangkap ikan air masin melalui aktiviti merambat dan memasang pukat.

Menurut cerita orang tua-tua, sepanjang pesisir pantai ini juga telah dinamakan beberapa sungai berdasarkan ciri dan peristiwa tertentu, antaranya Sungai Mengsalut, Sungai Sandawar, Sungai Lubuk Padang, Sungai Telisai, Sungai Keratong, Sungai Mempagong dan Sungai Mambang. Kesemua nama ini mencerminkan hubungan erat masyarakat terdahulu dengan alam sekitar.

Seiring dengan pembangunan pesat negara, satu inisiatif telah diambil oleh pihak peneroka untuk menjadikan Pantai Mempagong sebagai destinasi rekreasi. Lokasi yang dipilih terletak di antara Sungai Mengsalut dan Sungai Merangang, dengan laluan bermula dari Sub-Station Simpang 444, Lebuhraya Muara-Tutong. Pengunjung hanya perlu berjalan kaki sejauh kira-kira 800 meter, mengambil masa antara 15 hingga 20 minit untuk tiba di pantai tergantung kepada kelajuan individu tersebut.

Projek ini digerakkan secara berperingkat oleh Penganjur Mempagong, Awang Junaidi bin Haji Md. Arshad bersama ahli keluarga beliau serta sukarelawan yang lain. Trek hutan pertama dikenali sebagai 'Tangahnya Sagap' menjadi titik permulaan kepada pembinaan laluan-laluan lain. Pantai Mempagong secara rasmi telah dibuka pada 29 Januari 2025 dan disempurnakan oleh Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu dan Kampung Salar, Awang Haji Sarabani bin Haji Bakir.

Objektif utama Pantai Mempagong ini diungkayahkan adalah untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti riadah, di samping memelihara kelestarian alam sekitar. Destinasi ini juga berpotensi menjadi salah satu tarikan pelancongan tempatan serta pusat pendidikan alam semula jadi khususnya kepada pelajar dan pencinta flora serta fauna.

Pantai Mempagong kaya dengan khazanah alam semula jadi. Antara tarikan utama ialah gua-gua semula jadi seperti Gua Mempagong I dan II, Gua Meragang I dan II serta tinggalan gua lama yang telah runtuh akibat hakisan ombak. Selain itu, keunikan batu-batu pelbagai warna dan bentuk, sungai yang mengalir tenang seperti Sungai Mengsalut serta pokok-pokok mati semula jadi yang sesuai untuk dijadikan kawasan penggambaran.

Dari segi biodiversiti, kawasan ini menempatkan pelbagai jenis tumbuhan herba dan pokok hutan seperti tongkat ali, asam kelumbi, bunga simpur, nibong, buluh dan lain-lain lagi. Sumber rezeki seperti ikan air tawar dan air masin serta hidupan liar turut menjadi sebahagian daripada ekosistem semula jadi yang perlu dipelihara bersama.

### Aktiviti yang boleh dilakukan

Pelbagai aktiviti boleh dijalankan di Pantai Mempagong, antaranya berkelah, ber*jogging*, *jungle trekking*, memancing dan meneroka gua. Keindahan pantai paling ketara pada waktu pagi ketika air surut dan pada waktu petang semasa matahari terbenam, apabila langit memancarkan warna jingga dan kemerahan yang memukau.

### Aktiviti yang dikendalikan

Penganjur Pantai Mempagong juga aktif menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti berunsur riadah, penerokaan alam sekitar serta penglibatan orang ramai. Antara acara yang pernah dianjurkan ialah sambutan Ulang Tahun Pertama Pantai Mempagong setelah resmi dibuka berlangsung pada 6 Julai 2025. Majlis tersebut telah diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Pengerusi Persatuan TIBA (KOTIBA) dengan tanggungan berhad, Kampung Salambigar, Awang Haji Metassan bin Haji Bungsu.

Pihak penganjur turut mengadakan aktiviti riadah berjalan kaki menggunakan trek hutan yang dibina di sepanjang kawasan pantai. Aktiviti ini memberikan peluang kepada pengunjung untuk menikmati keindahan alam semua jadi sambil meneroka gua-gua yang terdapat di kawasan tersebut.

Menariknya, Pantai Mempagong juga pernah menganjurkan beberapa acara penerokaan di waktu malam secara solo yang dibuka khusus kepada para peneroka atau *explorer* yang berpengalaman. Aktiviti ini telah disiarkan secara langsung melalu platform media sosial, TikTok dan berjaya menarik perhatian peminat aktiviti penerokaan alam, sekali gus mempromosikan Pantai Mempagong kepada khalayak yang lebih luas.

Selain aktiviti penerokaan, pertandingan membina pondok-pondok kecil di tepi Pantai Mempagong turut dianjurkan sebagai salah satu usaha mencantikkan kawasan pantai serta menggalakkan kreativiti dan penglibatan masyarakat. Pondok-pondok ini bukan sahaja berfungsi sebagai tempat rehat pengunjung, malah menjadi elemen lanskap yang menambah nilai estetika kawasan pantai untuk menarik lagi ramai pengunjung luar mahupun dalam negara.

### Kemudahan yang disediakan

Bagi menyokong keselesaan pengunjung, beberapa kemudahan asas telah disediakan seperti laluan trek hutan, pondok-pondok rehat, tandas awam serta sebuah surau kecil yang siap dibina dan dirasmikan pada 1 Februari 2026 yang disempurnakan oleh Ketua Kampung Tanah Jambu dan Kampung Sale, Awang Samsulnizam bin Haji Abdul Latif. Pembinaan surau ini mencerminkan keprihatinan penganjur terhadap keperluan pengunjung untuk mengerjakan solat.

### Perancangan masa hadapan

Menurut Awang Junaidi bin Haji Md. Arshad dalam temu bual bersama penulis, perancangan masa hadapan tertumpu kepada usaha memajukan lagi Pantai Mempagong agar menjadi destinasi rekreasi yang lebih tersusun dan mampu menarik lebih ramai pengunjung. Beliau berharap agar usaha tersebut mendapat sokongan daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan serta masyarakat setempat bagi memastikan kawasan ini dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa menjejaskan kelestarian alam sekitar.

Dari segi masa yang sesuai untuk berkunjung, Awang Junaidi menyarankan agar orang ramai datang pada waktu pagi atau sekitar pukul 4.00 petang hingga 5.00 petang. Pengunjung juga dinasihatkan supaya meninggalkan kawasan pantai sebelum waktu malam kerana laluan hutan menuju ke pantai menjadi gelap dan berisiko.

Beliau turut memberikan nasihat kepada pengunjung yang ingin menjalankan aktiviti *trekking* atau *hiking* agar melakukannya bersama individu yang berpengalaman dan tidak bergerak secara bersendirian. Bagi pengunjung yang pertama kali datang ke pantai tersebut, mereka boleh menghubungi Awang Junaidi untuk mendapatkan panduan laluan menuju ke pantai. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa setiap pengunjung perlu memahami bahawa risiko keselamatan adalah tanggungjawab sendiri. Beliau juga menyeru semua pihak agar bersama-sama menjaga kelestarian pantai demi manfaat bersama dan generasi yang akan datang.

Sebagai kesimpulan, Pantai Mempagong bukan sekadar destinasi rekreasi, malah merupakan khazanah alam dan warisan yang amat bernilai. Justeru, menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan pantai ini terus lestari dan dapat dinikmati oleh para pengunjung.



# KEM JUALAN, PONDOK GERAI TANPA KEBENARAN DIARAH ROBOH

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Februari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah telah melaksanakan Operasi Sepadu dengan kerjasama Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Tanah dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'A' dan Jerudong 'B' yang menyasarkan penjaja-penjaja tepi jalan raya di sepanjang kawasan Pantai Jerudong.

Dalam operasi berkenaan, Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik-pemilik gerai, iaitu arahan membuka kem jualan atau meroboh pondok gerai dengan segera kerana telah melanggar Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 (kesalahan : S.23 (2) - menjalankan kemajuan tanpa kebenaran Autoriti Perancang : menukar penggunaan tanah secara ketara, iaitu dari kegunaan letak kereta menjadi tapak berjual dengan meletakkan kem-kem jualan.

Pemilik-pemilik gerai diberi tempoh bermula 9 Februari 2026 sehingga 10 Mac 2026 ini.

Pihak autoriti akan mengambil tindakan pengenaan denda kompaun di bawah Bab 58, Akta Perancangan Bandar dan Desa jika arahan berkenaan diabaikan selepas tamat tempoh yang diberikan.

Dalam pada masa yang sama, JKR juga mengeluarkan notis kepada pemilik-pemilik gerai untuk membuka dan menanggalkan sebarang struktur yang telah didirikan atau dibina pada atau di mana-mana jalan atau jalan rizab atau di tepi jalan raya.

Pemilik-pemilik gerai yang terbabit diberi tempoh sehingga 8 Mac 2026. Bab 79 B daripada Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggal 68) memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kerja Raya untuk merobohkan sebarang struktur pada atau di mana-mana jalan atau jalan rizab tanpa kebenaran bertulis daripada pihak yang berkuasa.

Kegagalan untuk merobohkan dan menanggalkan mana-mana struktur pada tarikh yang telah ditetapkan boleh dikenakan tindakan undang-undang menurut peruntukan undang-undang yang berkenaan.

Dalam menjaga kemaslahatan setempat, menjaga kesejahteraan dan keselamatan pengguna jalan raya serta pengunjung dan orang ramai, pihak JDBM telah mengambil inisiatif untuk menempatkan penjaja-penjaja yang terbabit di dalam bangunan Pasar Jerudong yang telah disediakan khas untuk jualan sayur dan buah.

Bagi jualan seperti makanan, minuman, salai, jagung bakar, air kelapa, binatang ternakan, MPK Jerudong menyediakan kawasan untuk penjaja-penjaja berkenaan di kawasan letak kereta pasar Pantai Jerudong yang sudah dikenal pasti.





**JABATAN Daerah Brunei dan Muara melalui Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah melaksanakan Operasi Sepadu dengan kerjasama Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Tanah dan Majlis Perundingan Kampong Jerudong 'A' dan Jerudong 'B' yang menyasarkan penjaja-penjaja tepi jalan raya di sepanjang kawasan Pantai Jerudong (atas dan bawah kiri).**

# Cuaca diramalkan aktif bermula 10 Februari ini

**Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) kini memasuki fasa kedua Monsun Timur Laut (MTL), dengan turunan hujan secara umumnya adalah lebih rendah berbanding bulan-bulan sebelumnya.

Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula Selasa, 10 Februari 2026 hingga Sabtu pagi, 14 Februari 2026.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan negara, dengan kelajuan angin meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Di perairan NBD, keadaan laut secara amnya adalah berombak pada tahap sedikit hingga sederhana, dengan ketinggian antara 0.6 meter (m) hingga 1.8m. Walau bagaimanapun, keadaan berkenaan dijangka boleh meningkat ke tahap bergelora sehingga 2.3m buat sementara waktu pada 10 hingga 11 Februari 2026.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Keadaan laut pula adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *@bruneiweather*, Instagram *@brunei.weather* dan saluran Telegram serta WhatsApp *@Brunei Weather*.

## Selera Kampong Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

# Daging Masak Kunyit

## RPN Kampung Meragang

**BAHAN-BAHANNYA :**

1kg daging
1 biji bawang besar
6 ulas bawang putih
8 ulas bawang merah
1 inci halia
3 batang serai
1/2 inci lengkuas
2 inci kunyit hidup
5 keping asam kulit
5 biji ubi kentang
5 tangkai lada kering
Kayu manis, buah pelaga dan bunga cengkih
Garam, ajinomoto dan gula

**CARA-CARA MEMASAK :**

Kisar bawang putih, bawang merah, halia, kunyit, lengkuas dan lada kering. Kemudian panaskan minyak dan masukkan bahan-bahan yang dikisar bersama serai, buah pelaga, kayu manis dan cengkih hingga naik bau. Masukkan daging dan tambah air. Kemudian, tambah garam, ajinomoto, gula sedikit dan asam kulit. Masak daging hingga setengah masak, baru masukkan bawang besar dan ubi kentang. Siap untuk dihidangkan.

BERITA GLOBAL

# MINAT PKS JERMAN DALAM PASARAN AS MENURUN MENDADAK



**FRANKFURT**, 10 Feb. - Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Republik Persekutuan Jerman menunjukkan penurunan mendadak dalam minat untuk menjalankan perniagaan di Amerika Syarikat, dengan sebahagian daripada komuniti perniagaan kini mempunyai pandangan negatif, menurut satu tinjauan yang diterbitkan pada hari Isnin.

Tarif A.S. memberi impak yang luas kepada syarikat Republik Persekutuan Jerman, dengan 12 peratus melaporkan kesan langsung dan 44 peratus terjejas secara tidak langsung melalui pelanggan dan pembekal, menurut tinjauan DZ Bank terhadap lebih 1,000 firma bersaiz sederhana.

**FOTO yang diambil pada 18 Februari 2025 ini menunjukkan Ibu Pejabat German Bundesbank di Frankfurt, Republik Persekutuan Jerman.**

Sentimen perniagaan dalam kalangan PKS Republik Persekutuan Jerman terhadap Amerika Syarikat juga merosot dengan ketara. Hanya 9 peratus daripada syarikat yang ditinjau berkata mereka boleh membayangkan Amerika Syarikat memainkan peranan yang lebih besar dalam rantaian bekalan mereka dalam tempoh lima tahun akan datang, turun 3 mata peratusan daripada tinjauan sebelumnya. Sementara itu, 18 peratus menjangkakan pasaran A.S. akan memainkan peranan yang lebih kecil, dua kali ganda bahagian yang direkodkan dalam tinjauan 2024.

"Tiada negara lain yang mengalami penurunan populariti yang begitu mendadak dalam tinjauan DZ Bank sejak 2022," tulis akhbar Jerman Frankfurter Allgemeine Zeitung dalam ulasan mengenai penemuan tersebut.

Keengganan yang semakin meningkat untuk memasukkan Amerika Syarikat dalam rantaian bekalan merangkumi hampir semua sektor dan saiz syarikat, kata ahli ekonomi DZ Bank, Claus Niegsch.

Lebih separuh daripada syarikat Jerman sedang menyesuaikan strategi perniagaan mereka sebagai tindak balas kepada ketidakpastian yang semakin meningkat, dengan memberi penekanan yang lebih besar pada pasaran domestik dan kepelbagaian yang lebih luas, tambah bank itu. - ©XINHUA

# Angka korban bangunan runtuh di utara Lubnan meningkat kepada 14 orang

**ISTANBUL,** 10 Feb. - Angka korban akibat runtuhan sebuah bangunan kediaman di Bandar Tripoli, utara Lubnan meningkat kepada 14 orang, menurut pihak berkuasa pada Isnin, lapor Anadolu Ajansi.

Ketua Pengarah Pertahanan Awam negara itu, Mejar Jeneral Imad Khreiss berkata operasi mencari dan menyelamat telah tamat, dengan14 individu maut dalam kejadian itu manakala lapan yang lain berjaya diselamatkan, lapor Agensi Berita Nasional kendalian kerajaan.

Pihak berkuasa berkata sebuah bangunan bertingkat runtuh pada Ahad di kejiranan al-Tabbaneh, Tripoli. Kawasan berkenaan merupakan antara kawasan termiskin di bandar itu dengan kejadian bangunan runtuh sering berlaku disebabkan infrastruktur yang daif.

Pada Isnin, Presiden Lubnan Joseph Aoun mengkritik pihak berkuasa tempatan kerana gagal mengambil "langkah berjaga-jaga yang sewajarnya bagi mengelakkan kejadian bangunan runtuh dan kehilangan nyawa mereka yang tidak bersalah".

Bulan lepas, dua orang terkorban manakala beberapa yang lain cedera apabila sebuah bangunan kediaman runtuh di bandar yang sama. - ©BERNAMA

# Pihak berkuasa bertungkus-lumus kekang tumpahan minyak kapal kargo karam di perairan Thailand

**ISTANBUL,** 9 Feb. - Pihak berkuasa maritim sedang bertungkus-lumus mengekang tumpahan minyak di Laut Andaman selepas sebuah kapal kargo yang mengibarkan bendera Panama karam di luar selatan Phuket, Thailand, ketika dalam pelayaran dari Malaysia ke Republik Rakyat Bangladesh, lapor Bangkok Post pada Ahad.

Kesemua 16 kru kapal SEALLOYD ARC berjaya diselamatkan dan dibawa ke tempat selamat selepas kapal berkenaan dimasuki air lalu karam di selatan kawasan tumpuan pelancong di Phuket pada Sabtu.

Kapal seberat 4,339 tan itu membawa 297 kontena, termasuk 14 kontena yang mengandungi bahan berbahaya, menurut Pusat Operasi Penguatkuasaan Maritim Thailand. Kesemua kontena karam bersama kapal itu.

Tinjauan udara kemudiannya mengesan tompokan minyak sepanjang kira-kira 7.2 kilometer (km) ke arah barat dengan kelebaran kira-kira 1.6 km. Menurut pegawai, setakat ini tiada tumpahan minyak yang dikesan mencapai garis pantai Phuket.

Pihak berkuasa mengklasifikasikan insiden itu sebagai berskala besar, memandangkan peningkatan risiko alam sekitar serta potensi bahaya terhadap navigasi perkapalan. - ©BERNAMA

# SAF tahan anggota perkhidmatan negara berusia 22 tahun berkaitan ancaman bom palsu

**REPUBLIK SINGAPURA**, 9 Feb. - Angkatan Tentera Singapura (SAF) menahan seorang anggota Perkhidmatan Negara (NSF) sepenuh masa berusia 22 tahun berkaitan satu ancaman bom palsu di Pangkalan Udara Paya Lebar (PLAB).

Dalam satu kenyataan, Kementerian Pertahanan (Mindef) memaklumkan bahawa suspek telah diletakkan di bawah tahanan rapi di Berek Tahanan SAF pada 28 Januari 2026.

"NSF berkenaan sedang disiasat. Bergantung kepada hasil siasatan, dia boleh dituduh di bawah Seksyen 268A Kanun Keseksaan 1871 - Menyampaikan Maklumat Palsu Mengenai Perkara yang Memudaratkan, dia akan dibicarakan di Mahkamah Tentera.

"Kesalahan ini membawa hukuman maksimum penjara tujuh tahun dan denda S$50,000," katanya.

Pada 23 Januari 2026, suspek memuat naik satu hantaran dalam talian yang mendakwa bahawa alat letupan buatan sendiri dipasang di 12 lokasi tertentu dalam PLAB serta di dalam kenderaan pegawai kanan Angkatan Udara Republik Singapura.

Menurut Mindef, ancaman tersebut disahkan sebagai palsu selepas pemeriksaan bom dan langkah berjaga-jaga lain dijalankan, manakala bukti semasa menunjukkan bahawa suspek bertindak sendirian.

"SAF memandang serius terhadap semua ancaman keselamatan. Pelaku ancaman keselamatan palsu akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang," tambahnya. - ©BERNAMA

# Algeria bakal batal perjanjian perkhidmatan udara dengan UAE

**ALGIERS (Algeria)**, 9 Feb. - Pihak berkuasa Algeria memaklumkan pada Sabtu bahawa mereka telah memulakan prosedur yang diperlukan untuk membatalkan perjanjian perkhidmatan udara dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE), lapor Anadolu Ajansi.

Agensi berita rasmi APS melaporkan bahawa Algeria akan memaklumkan pembatalan itu kepada UAE "melalui saluran diplomatik", selaras dengan Artikel 22 perjanjian itu, selain turut memaklumkan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Menurut laporan itu, perjanjian berkenaan ditandatangani di Abu Dhabi pada 13 Mei 2013, dan disahkan di bawah Dekri Presiden yang dikeluarkan pada 30 Disember 2014.

Tiada butiran terperinci diberikan mengenai punca tindakan Algeria itu. Setakat tengah hari Ahad, masih tiada sebarang ulasan daripada pihak UAE berhubung perkara itu.

Perjanjian berkenaan menetapkan hak pihak berkuasa penerbangan kedua-dua pihak untuk melantik satu atau lebih syarikat penerbangan bagi mengendalikan laluan yang dipersetujui, dengan kemungkinan untuk menarik balik, mengubah suai atau menggantikan pelantikan itu mengikut budi bicara pihak berkuasa kompeten masing-masing.

Ia juga memberi hak kepada pihak berkuasa penerbangan setiap pihak yang berkontrak untuk membatalkan, menggantung atau mengehadkan lesen operasi syarikat penerbangan yang dilantik sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang dan peraturan yang terpakai, atau kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat perjanjian.

Perjanjian itu membenarkan pelantikan jumlah syarikat penerbangan nasional yang tidak terhad dari kedua-dua negara untuk mengendalikan penerbangan tetap tanpa sekatan, pada sebarang kapasiti, menggunakan pelbagai jenis pesawat sama ada milik sendiri atau dipajak, serta dengan jumlah penerbangan yang tidak terhad. - ©BERNAMA

# Mexico hantar lebih 800 tan bantuan kemanusiaan ke Cuba

**ISTANBUL**, 9 Feb. - Mexico menghantar lebih 800 tan bantuan kemanusiaan ke Cuba, mengukuhkan lagi dasar solidariti yang telah lama terjalin dengan negara Amerika Latin, lapor Anadolu Ajansi yang memetik Kementerian Luar negara itu pada Ahad.

Dua kapal sokongan logistik Tentera Laut Mexico, Papaloapan dan Isla Holbox, berlepas dari pelabuhan Veracruz membawa lebih 814 tan bekalan yang diperuntukkan untuk rakyat Cuba mengikut arahan daripada Presiden Claudia Sheinbaum.

Kapal Papaloapan membawa 536 tan barangan makanan asas serta produk kebersihan, manakala Isla Holbox membawa lebih 277 tan susu tepung. Kapal tersebut dijangka tiba di Cuba dalam tempoh empat hari. Lebih 1,500 tan susu tepung dan kacang masih belum dihantar, tambah kenyataan itu.

"Melalui tindakan ini, Kerajaan Mexico mengukuhkan lagi prinsip kemanusiaan dan semangat solidariti yang menjadi panduan serta komitmennya terhadap kerjasama antarabangsa dalam kalangan rakyat, terutamanya dengan mereka yang memerlukan bantuan kemanusiaan dalam situasi kecemasan dan kerentanan. Cuba dan Mexico adalah negara bersaudara, pewaris kepada sejarah solidariti yang panjang yang kami raikan hari ini," katanya. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# PERTANDINGAN GALAK GAYA HIDUP SIHAT




PERTANDINGAN Boling Ukhuwah Semenara Fun Bowling yang diadakan baru-baru ini turut dihadiri oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Saat Mokim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Februari. - Dengan hasrat untuk mengeratkan lagi ikatan silaturahim dalam kalangan bekas pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hasanal Bolkiah (kini dikenali Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah), satu Pertandingan Boling Ukhuwah Semenara Fun Bowling, telah diadakan baru-baru ini di iBowl Bowling Centre, Batu Satu.

Pertandingan tersebut bertujuan menggalakkan para bekas pelajar sekolah berkenaan, yang terdiri daripada pengambilan tahun 1980 hingga 1991, untuk terus aktif melibatkan diri dalam aktiviti riadah di samping mengamalkan gaya hidup sihat.

Selain itu, penganjuran pertandingan ini juga berperanan sebagai wadah untuk meningkatkan mutu permainan sukan boling, memupuk semangat kesepakatan dan disiplin, serta memberi pendedahan kepada pengurusan sukan yang teratur dan berkesan.

Sebanyak 10 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan, dengan setiap pasukan dianggotai oleh lima pemain.

Turut hadir dan menyertai pertandingan ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal serta Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Kejuaraan pertandingan telah dimenangi oleh Pasukan 1986 – Strike Outs, diikuti Pasukan Sahabat Sehebat 87 selaku naib juara, manakala Mix Team 'A' muncul tempat ketiga. Anugerah Pemain Terbaik serta pemain yang paling banyak menghasilkan *strike* telah dinobatkan kepada Awang Mazini Haji Bolhassan.

# Sesi Konsultasi memperkukuh perancangan Persatuan Sukan Kebangsaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Februari. - Sebanyak 69 Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan di bawah pemantauan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah dijemput bagi menghadiri Sesi Konsultasi dengan membawa dua ahli eksekutif yang terdiri daripada Yang Dipertua, Setiausaha atau Bendahari.

Sesi Konsultasi Bersama Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2026 ini merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui JBS yang diadakan selama empat hari bermula hari ini, 11, 12 dan 14 Februari 2026 bertempat di Komuniti Hab, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Sesi Konsultasi melibatkan Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan tiga bahagian di JBS dan satu bahagian di bawah naungan KKBS iaitu Bahagian Sukan (Unit Prestasi Tinggi, Unit Sukan Untuk Masyarakat, Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan dan Unit Persatuan-persatuan Sukan), Bahagian Prasarana dan Estet, Pusat Penyelidikan dan Perubatan Sukan (SMRC) dan Jawatankuasa Anti-Doping Brunei Darussalam.

Sesi ini diadakan julung kalinya pada tahun 2025 dengan melibatkan 66 Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan dan tiga bahagian di JBS dan satu bahagian di bawah naungan KKBS.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk memberikan penerangan dengan lebih terperinci dan lengkap mengenai maklumat-maklumat, bertukar pandangan dan buah fikiran bersama bahagian-bahagian di bawah JBS untuk lebih mengetahui perkhidmatan yang diberikan kepada persatuan sukan dan atlet kebangsaan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memudahkan persatuan-persatuan sukan kebangsaan untuk membuat perancangan dengan lebih baik dan teratur. Ini termasuk tadbir urus persatuan yang lebih teratur ke arah mencapai kecemerlangan sukan dan belia.




SESI Konsultasi Bersama Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2026 anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan diadakan selama empat hari di Komuniti Hab, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.